

24 AUG 1998

PERODUA-KEMBARA/I

PERODUA KELUARKAN 700 "KEMBARA" SEBULAN MULAI BULAN DEPAN

Oleh: Mohd Arshi Daud

KUALA LUMPUR, 24 Ogos (Bernama) -- Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd (Perodua) akan mengeluarkan 700 unit sebulan kenderaan pacuan empat roda yang dinamakan "Kembara" mulai bulan depan untuk memenuhi permintaan pelanggan, kata Pengarah Urusan Datuk Abdul Rahman Omar.

Bercakap semasa previu kenderaan terbaru Perodua itu kepada wartawan di Kuala Selangor Khamis lepas, Abdul Rahman berkata sejak tempahan dibuka 1 Ogos lepas, Perodua mendapat lebih daripada 475 tempahan.

Jualan kenderaan pacuan empat roda itu menggalakkan tanpa syarikat itu berbelanja secara berlebihan dalam menarik tempahan.

Buat masa ini, pembeli Kembara terpaksa menunggu sebulan hingga sebulan setengah bagi penyerahan kenderaan mereka, katanya.

"Kami berharap Kembara akan membantu kami meneruskan kelangsungan hidup semasa sukar ini," katanya. Beliau berharap apabila jualan kenderaan meningkat, sasaran Perodua adalah untuk menjual di antara 600-1,000 unit Kembara setiap bulan, iaitu 44 peratus daripada pasaran kenderaan pacuan empat roda.

Berdasarkan kepada pengeluaran 420 unit sebulan, syarikat itu dapat mengumpul stok 250 unit pada hari pelancarannya oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Nama Kembara dipilih sendiri oleh Dr Mahathir daripada enam nama yang disaring dan diserahkan kepada beliau, kata Abdul Rahman.

Beliau berkata Perodua telah melabur sebanyak RM46.5 juta bagi mengadakan bahagian pengeluaran Kembara itu.

Kenderaan berkuasa 1.3 liter itu diletakkan sebagai kenderaan penggunaan sukan dan sasaran pelanggannya adalah yang berumur dari 28 hingga 40 tahun dengan pendapatan bulanan antara RM3,000 dan RM5,000. Enam-puluh peratus daripada pembelinya dijangka lelaki.

Kenderaan itu dijual pada harga RM45,898.00 sebuah bagi Kembara EX dengan warna solid, RM49,815.65 bagi Kembara GX dengan warna metalik dan RM52,139.19 bagi Kembara automatik EZ dengan warna metalik.

Kembara adalah hasil daripada perubahan komestik oleh Perodua berdasarkan kepada Daihatsu Terrios yang diperkenalkan di Jepun.

Sementara itu, Abdul Rahman juga berkata Perodua dijangka memutuskan pada November atau Disember ini bagi memperkenalkan dua atau lebih model lagi. Model kenderaan Perodua pada masa ini adalah kereta Kancil dan van perbagai guna Rusa.

Sehingga 31 Julai 1998, hampir 200,000 unit Kancil dan Rusa telah dijual.

"Produk akan datang kami adalah kereta penumpang di bawah 1,000 cc dan kenderaan utiliti sehingga 2,000 cc atau yang lebih besar," katanya.

Beliau juga berkata Perodua belum merancang untuk mengeksport Kembara.

-- BERNAMA

AD JR OS